

10 NOV 1999

PASARAN-REAKSI

BSKL BERI REAKSI BAIK KEPADA PILIHAN RAYA

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) memantul semula lebih daripada 20 mata pada pagi ini selepas mendapat suntikan daripada khabar angin berita pilihan raya akan diadakan segera apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pembatalan di saat-saat akhir kunjungannya ke Afrika Selatan lewat semalam.

Bursa tempatan ditutup 1.85 peratus lebih tinggi dan ditutup di paras tertinggi pada 728.81 mata. Bagaimanapun, kenaikan awal pagi itu dihadkan oleh kegiatan pengambilan untung.

Terdapat kenaikan mendadak pagi ini apabila pengukur pasaran, Indeks Komposit Kuala Lumpur, mencecah ketinggian awal pada paras 741.92 pada 2.39 petang.

Apabila Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail mengumumkan Parlimen akan dibubarkan pada Khamis, pasaran mula menurun.

"Pasaran kemudiannya mula merosot dan bertindak mengikut apa yang dipanggil membeli berdasarkan khabar angin dan menjual berdasarkan hakikat", kata seorang penganalisis kanan.

Selepas agak menurun berikutan pelbagai perkembangan politik sejak kebelakangan ini, pasaran saham mula meningkat naik baru-baru ini berikutan spekulasi pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi.

Penantian bagi petunjuk baru selepas pembentangan belanjawan sudah berakhir dan dengan lebih banyak berita-berita lain tidak diambil kira, pilihan raya dilihat sebagai faktor terbaik bagi pelabur-pelabur untuk menyertai pasaran.

Sementara itu, ketua penyelidik SJ Securities Peter Lim berkata pasaran dijangka bergerak tidak berubah dalam tempoh sebelum pilihan raya dan akan meningkat jika Barisan Nasional (BN) memenangi majoriti dua pertiga.

Seorang penganalisis lain berkata pasaran dijangka berada dalam aliran meningkat semula dalam tempoh terdekat ini apabila pilihan raya cenderung untuk mengalihkan faktor risiko ketidaktentuan politik dan malahan akan turut merangsang keyakinan pelaburan.

-- BERNAMA

SHO ZK MA